



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 6 / 2020

9 ORANG MENGUNDI AWAL ESOK

1. Seramai **9 orang pengundi awal** bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P.176 Kimanis akan mengundi pada **Selasa, 14 Januari 2020**. Mereka merupakan 9 orang anggota polis yang akan mengundi di Bilik Gerakan, Balai Polis Membakut.
2. Pusat Pengundian Awal di Bilik Gerakan, Balai Polis Membakut dibuka mulai jam **8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari**.
3. Proses pengundian awal ini akan disaksikan oleh ejen calon serta Pemerhati Pilihan Raya yang telah dilantik oleh SPR. Di samping itu, SPR akan menyiarkan proses pengundian ini secara *live streaming* menerusi *Facebook* SPR.
4. Semua peti undi bagi pengundian awal akan disimpan di lokap IPD Beaufort dan pengiraannya akan dibuat pada Hari Pengundian pada 18 Januari 2020 di pusat pengiraan undi berkelompok di Bilik Mesyuarat 2, Pejabat Daerah Beaufort. SPR berharap para pengundi menunaikan hak dan tanggungjawab mereka.

Sekian.


DATUK AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh : 13 Januari 2020 / 17 Jamadilawal 1441H